



LAPORAN LIPUTAN MEDIA
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

TARIKH : 23 APRIL 2025 | 24 SYAWAL 1446 H

HARI : RABU

BIL.	AGENSI MEDIA	TAJUK
1.	Sinar Harian	Persatuan mahu tindakan tegas dikenakan kepada penjual 'patin klon'
2.	Kosmo	Jangan jual patin klon – Sultan Pahang
3.	Bernama	Hari Bumi Sedunia 2025: IPP perkukuh komitmen pemuliharaan marin negara
4.	Melaka Hari Ini	Sembilan vesel dikesan langgar undang-undang perikanan di Melaka

Ringkasan Eksekutif

Pada **23 April 2025**, sebanyak **4** liputan media berkaitan Jabatan Perikanan Malaysia telah diterbitkan. Daripada jumlah tersebut, **1** liputan bersifat positif, **2** bersifat neutral, dan **1** liputan negatif direkodkan.

Disediakan oleh :

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Perikanan Malaysia

1.	Tajuk	'Persatuan mahu tindakan tegas dikenakan kepada penjual 'patin klon'
	Akhbar/Media	Sinar Harian
	Muka surat/capaian	24
	Kategori Liputan	Neutral

Persatuan mahu tindakan tegas dikenakan kepada penjual 'patin klon'

TEMERLOH - Persatuan Pengusaha Pelancongan Daerah Temerloh mahu tindakan tegas dikenakan terhadap segelintir individu yang menjual 'patin klon' untuk menjaga kualiti ikan tersebut di pasaran.

Pengerusinya, Abdullah Ahmad berkata, tindakan penguatkuasaan paling tegas perlu diambil, termasuk menyenarai hitam mereka yang terlibat demi menjaga nama baik Temerloh yang terkenal dengan gelaran bandar ikan patin.

Menurutnya, apa yang berlaku ketika ini seperti kata pepatah 'kerana nila setitik rosak susu sebelanga'.

"Tindakan mereka ini akan menjejaskan semua kerana ia akan merosakkan imej pelancongan bukan hanya industri patin.

"Persatuan berharap pihak berwajib mengenal pasti mereka yang terlibat dan terus menyenarai hitam dengan kaedah yang sesuai kerana bukan ramai yang buai, cuma segelintir.

"Akibat tindakan mereka yang tidak bertanggungjawab ini akhirnya menyebabkan ramai orang terjejas," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Beliau mengulas titah Ke bawah Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah kepada pengusaha ikan sangkar di daerah ini yang terkenal sebagai 'lubuk' patin gulai tempoyak.

Baginda menzahirkan kebimbangan susulan dakwaan terdapat segelintir pengusaha yang membawa masuk ikan patin dari luar termasuk patin kolam untuk dijual di Temerloh sehingga boleh menjejaskan reputasi daerah ini sebagai pusat utama hidangan patin tulen.

Baginda bertitah sedemikian selepas berkenan bersemar duli berangkat bersama Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dan Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanul Alam Shah di Karnival Patin dan Sukan Rakyat di Dataran Temerloh sempena



ABDULLAH



Patin Temerloh terkenal di seluruh negara kerana keunikan rasanya, terutama apabila dijadikan gulai patin masak tempoyak.

Kembara Pahang 1.0 di daerah ini pada Isnin.

Titah baginda, usaha persijilan kepada pengusaha ikan patin sangkar di Temerloh bagi mengatasi isu klon spesies tersebut dari luar daerah, dialu-alukan untuk memastikan keaslian ikan yang dijual kepada penggemar.

RINGKASAN :

Persatuan Pengusaha Pelancongan Daerah Temerloh mahu tindakan tegas dikenakan terhadap segelintir individu yang menjual 'patin klon' untuk menjaga kualiti ikan tersebut di pasaran.

2.	Tajuk	Jangan jual patin klon – Sultan Pahang
	Akhbar/Media	Kosmo
	Muka surat/capaian	13
	Kategori Liputan	Neutral

Jangan jual patin klon – Sultan Pahang

- Penjual perlu jaga nama baik patin Temerloh
- Baginda sambut baik idea wujudkan pensijilan ikan

Oleh ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN

TEMERLOH – Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah meminta penjual dan penternak ikan patin di daerah ini tidak menjual ikan patin celup atau klon.

Titah baginda, peniaga dan penternak ikan sangkar perlu menjaga kualiti patin Temerloh yang terkenal di seluruh negara.

Al-Sultan Abdullah bertitah, idea pensijilan kepada pengusaha ikan patin sangkar di Temerloh bagi mengatasi isu klon spesies tersebut dari luar daerah dialu-alukan untuk memastikan keaslian ikan yang dijual kepada penggemarnya.

"Jangan jual ikan patin celup atau klon kerana orang datang ke sini untuk rasa hidangan ikan patin tempatan yang asli.

"Jangan pendekkan rezeki orang lain dan jualah ikan patin dengan jujur," titah baginda se-



AL-SULTAN ABDULLAH bersama Tengku Ampuan Pahang berkenan hadir di Karnival Patin dan Sukan Rakyat sempena Kembara Pahang 1.0 di Dataran Temerloh semalam.

lepas bercemer duli di Karnival Patin dan Sukan Rakyat di Dataran Temerloh sempena Kembara Pahang 1.0 di sini semalam.

Turut berangkat bersama Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Is-

kandariah dan Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Alam Shah.

Al-Sultan Abdullah bertitah sedemikian ekoran terdapat dakwaan aktiviti 'mengklon' ikan patin luar termasuk patin kolam



yang dibawa masuk ke Temerloh. Baru-baru ini Kosmo! melaporkan Temerloh yang seme-

manjanya menjadi lokasi popular bagi penggemar ikan patin kini berdepan isu baharu apabila ada pihak lain telah membawa ikan jenis itu dari luar daerah sebelum 'diklon' dan dijual sebagai ikan patin Temerloh.

Tindakan tersebut secara tidak langsung telah menjejaskan kelazatan dan keaslian ikan patin Temerloh yang biasanya hanya diperolehi dari sungai dan sangkar di sungai Pahang.

Ia berbeza dengan ikan patin dari luar Temerloh terutama yang ditanam di kolam kerana didakwa berbau lumpur.

Mengulas mengenai Kembara Pahang 1.0, baginda amat terharu dengan sambutan rakyat yang sanggup menunggu baginda dan rombongan biarpun berdepan cuaca tidak menentu.

Baginda bertitah, selain menyantuni rakyat, objektif utama program menjelajah empat daerah iaitu Maran, Temerloh, Bera dan Pekan itu diadakan adalah untuk melalui jalan yang belum pernah baginda lalui sebelum ini.

"Saya hendak tengok kawasan-kawasan yang saya tidak pernah sampai, contoh tadi laluan di tepi sungai semua itu, saya juga ingin melihat status keadaan jalan di sana, sama ada elok atau tidak," titah baginda.

RINGKASAN :

Sultan Pahang meminta penjual dan penternak ikan patin di daerah Temerloh tidak menjual ikan patin celup atau klon untuk memastikan keaslian ikan yang dijual kepada penggemar ikan tersebut.

3..	Tajuk	Hari Bumi Sedunia 2025: IPP perkukuh komitmen pemuliharaan marin negara
	Akhbar/Media	Bernama
	Muka surat/capaian	https://www.bernama.com/bm/news.php/bfokus/news.php?id=2415354
	Kategori Liputan	Positif

Hari Bumi Sedunia 2025: IPP Perkukuh Komitmen Pemuliharaan Marin Negara

🕒 22/04/2025 12:03 PM



PUTRAJAYA, 22 April (Bernama) -- Projek pembinaan Taman Karang di Pulau Layang-Layang oleh Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) Bintawa, Sarawak adalah antara inisiatif Jabatan Perikanan (DOF) dalam memelihara dan memulihkan alam sekitar marin negara.

Projek taman karang buatan manusia terbesar di Malaysia itu mendapat pengiktirafan *Malaysia Book of Records* dan dicalonkan untuk Anugerah Pembangunan Lestari JCI Malaysia 2025.

Ketua Pengarah DOF Datuk Adnan Hussain berkata projek itu bukan sahaja menyumbang kepada konservasi biodiversiti marin, tetapi memperkukuh mekanisme penyerapan karbon semula jadi melalui pembentukan struktur batu kapur oleh organisma terumbu karang.

RINGKASAN :

Sambutan Hari Bumi Sedunia mencerminkan komitmen berterusan DOF dalam melindungi khazanah marin negara, dan melalui IPP jabatan akan terus menerajui usaha penyelidikan dan inovasi yang menyokong pemuliharaan ekosistem marin dan kelestarian sumber perikanan negara.

4.	Tajuk	Sembilan vesel dikesan langgar undang-undang perikanan di Melaka
	Akhbar/Media	Melaka Hari Ini
	Muka surat/capaian	https://www.melakahariini.my/sembilan-vesel-dikesan-langgar-undang-undang-perikanan-di-melaka/
	Kategori Liputan	Negatif


MELAKA HARI INI
Media No. 1 Melaka

Utama
Terkini
Lokal
Nasional
Podcast
Akhbar Digital



SAUFI Affandi (empat dari kanan) mengiringi Zaidi (lima dari kiri) bergambar bersama nelayan menghadiri Program Libat Urus Bersama Nelayan DUN Serkam Berkaitan Pewartaan Taman Laut dan Kawasan Larangan Perikanan Pulau Besar Negeri Melaka di Japerun Serkam. Foto Iqmal Haqim Rosman

SEMBILAN VESEL DIKESAN LANGGAR UNDANG-UNDANG PERIKANAN DI MELAKA

LIANA SAHABUDIN
SELASA, 22 APRIL 2025 @ 15:39

Masa Membaca: 1 Minit, 26 Saat

SERKAM 22 April – Jabatan Perikanan Negeri Melaka merekodkan sembilan tangkapan vesel melibatkan 36 individu atas pelbagai kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985 (Akta 317) menerusi operasi penguatkuasaan dilaksanakan sepanjang tempoh 11 November 2024 hingga 21 Mac 2025 yang lalu.

RINGKASAN :

Jabatan Perikanan Negeri Melaka merekodkan sembilan tangkapan vesel melibatkan 36 individu atas pelbagai kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985 (Akta 317) menerusi operasi penguatkuasaan dilaksanakan sepanjang tempoh 11 November 2024 hingga 21 Mac 2025 yang lalu.